

Operasi 12 hari lumpuhkan 80 peratus kegiatan VCD haram

UM - 9 JUN 2003

KUALA LUMPUR 8 Jun — Operasi besar-besaran 12 hari membanteras kegiatan mengedar dan menjual cakera padat video (VCD) haram dan lucah yang berakhir tengah malam ini berjaya melumpuhkan lebih 80 peratus kegiatan itu di seluruh negara.

Aktiviti haram itu yang sebelum ini bercambah di merata tempat awam kini sukar kelihatan hasil operasi mantap — polis,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Operasi bersepadu itu dilancarkan setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kekecewaan terhadap kegiatan pengedaran dan penjualan VCD haram dan lucah yang berlaku secara berleluasa di negara ini.

Difahamkan, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai akan memberi taklimat kepada Perdana Menteri dalam waktu terdekat ini berhubung hasil operasi dua minggu itu.

Polis dan pihak KPDNHEP selc pas ini akan memberi tumpuan untuk menghapuskan saki-baki kegiatan pengedaran dan penjualan VCD yang dipercayai masih dilakukan secara sulit.

Penguasa Perhubungan Awam Bukit Aman, Supritendan Jamshah Mustapa berkata, sejak operasi itu dimulakan pada 26 Mei lalu, polis merampas 2.5 juta keping VCD haram dan lucah serta menangkap 464 yang terlibat dalam kegiatan itu daripada 859 pemeriksaan dibuat di seluruh negara sehingga semalam.

■ Lihat muka 4

Operasi 12 hari lumpuhkan 80 peratus kegiatan VCD haram

Katanya, daripada jumlah rampasan itu, Wilayah Persekutuan mencatatkan negeri tertinggi jumlah rampasan iaitu 1.6 juta diikuti Selangor (234,333) dan Perak (59,659).

"Dilihat dari segi tangkapan pula, Selangor mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi iaitu 70 orang, diikuti Perak (62) dan Terengganu (60)," kata Jamshah dalam satu kenyataan akhbar hari ini.

Beliau berkata, selepas ini polis akan meneruskan operasi seperti biasa untuk memastikan kegiatan ini tidak lagi muncul.

Dalam tempoh yang sama katanya, polis juga telah merampas sebanyak 2,098 buah mesin slot judi dan wang sebanyak RM6,047 daripada premis yang menjalankan kegiatan tersebut di seluruh negara.

"Kita juga telah menangkap sebanyak 322 pelacur dan 3,353 pengedar dan penagih dadah dalam operasi yang sama dalam tempoh itu," ujarnya.

Tambah Jamshah, orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi hotline polis yang beroperasi 24 jam melalui nombor telefon 03-22627741 dan 03-269-64386.

Sementara itu, Pengarah Operasi KPDNHEP Firdus Zakaria berkata, kejayaan menghapuskan pengedaran dan penjualan VCD haram dan lucah itu kini mencapai lebih 80 peratus daripada sasaran.

Menurutnya, daripada maklumat risikan yang diterima oleh kementeriannya terdapat sekumpulan kecil pengedar dan penjual VCD haram terutamanya di Lembah Klang menggunakan taktik baru untuk meneruskan perniagaan mereka.

"Mereka kini menjual VCD dan DVD haram ini melalui tempahan yang dibuat melalui panggilan telefon.

"Selepas mendapat pesanan, pengedar VCD ini akan menghantar kepada pelanggannya di tempat yang telah dijanjikan," jelasnya semasa dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Berikutan maklumat itu, Firdus berkata, pihaknya sedang mengatur strategi termasuk menyamar untuk menangkap kumpulan pengedar yang masih degil ini.

Bagaimanapun, tegas beliau, penjualan VCD haram di tempat-tempat yang sebelum ini dikenal pasti berleluasa telah dapat dilumpuhkan sepenuhnya.

"Kalau kita pergi ke pusat membeli belah di Sungei Wang Plaza ataupun Jalan Imbi kini semua VCD dan DVD yang dijual adalah yang diluluskan," ujarnya.

Menurut beliau, KPDNHEP dan polis selepas ini akan meneruskan kerjasama bagi memastikan kegiatan VCD haram tidak akan kembali berleluasa lagi.

Daripada statistik rampasan dan tangkapan yang dilakukan oleh KPDNHEP sejak operasi dimulakan pada 12 Mei lalu hingga semalam, beliau berkata, sebanyak 439,447 keping VCD haram dan lucah dirampas.

"Hari ini amat sukar untuk kita mencari sasaran serbuan kerana kita yakin lebih 80 peratus kegiatan itu telah dilumpuhkan," tambahnya.